

# Jawatankuasa 3P ditubuh atasi masalah sektor awam

UM - 9/2/2007

Oleh HABIBAH OMAR

**PUTRAJAYA** 8 Feb. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan, Penyampaian dan Perkhidmatan (3P) untuk mengenal pasti dan mengatasi masalah dalam sektor awam.

Perdana Menteri memberitahu, jawatankuasa itu akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Sidek Hassan dan dianggotai oleh pegawai kanan daripada beberapa jabatan terpilih.

"Jawatankuasa ini akan berjumpa selalu, sekurang-kurangnya sekali dalam dua minggu dan dalam masa dua minggu itu diadakan dua atau tiga mesyuarat.

"Kita harap dengan adanya jawatankuasa itu, segala aspek dan perkara atau masalah yang bersifat dalaman di sektor awam dapat diatasi, kesalahan dapat diperbetulkan, kelemahan dapat ditokok tambah, kelemahan dapat diperteguhkan, sebarang kekurangan dan keupayaan dapat diatasi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri, Tuanku Nur Zahirah ke Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini.

Kunjungan diraja itu turut disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor bersama beberapa menteri Kabinet yang lain.

Jawatankuasa 3P itu berbeza dengan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) kerana 3P memberi penekanan kepada sistem penyampaian dan perkhidmatan sektor awam.

Sementara Pemudah pula lebih menumpukan kepada urusan perniagaan di negara ini yang membabitkan sektor swasta.

Perdana Menteri menjelaskan, dengan adanya Pemudah dan Jawatankuasa 3P itu, rakyat akan dapat menerima kebaikan selain menjadi satu perangsang kepada kerancangan pelaksanaan projek dan program yang lebih berkesan.



**TUANKU Mizan Zainal Abidin dan Tuanku Nur Zahirah melihat panorama Putrajaya sambil diberi penerangan oleh Abdullah Ahmad Badawi semasa kunjungan Seri Paduka berdua ke Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam.**

"Dengan itu, ia akan dapat memberi keberkesanan kepada usaha yang sedang dijalankan," katanya.

Usaha itu, ujar beliau, merupakan perkara yang akan dilaksanakan dengan ber-sungguh-sungguh pada tahun ini tetapi dalam masa yang sama, pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan terus berjalan.

Pada sidang akhbar yang sama, beliau berkata, setiap jabatan diarah menggerakkan indeks pencapaian seperti Petunjuk

Utama Prestasi (KPI) untuk mengukur sejauh mana keberkesanan projek yang dilaksanakan oleh kerajaan.

"Ia boleh dikatakan KPI dan kita harap semua ini akan dapat dinilai dalam jangka masa tertentu, boleh jadi dalam bulan September.

"Indeks ini bagi menentukan pencapaian kemajuan dalam pelbagai bidang, indeks persepsi yang ditentukan oleh kita sendiri sama ada yang berkaitan dengan rasuah, sistem penyampaian awam, sistem perkhidmatan kerajaan atau yang berhu-

bung kait dengan kesejahteraan keluarga.

"Ia boleh juga menjadi petunjuk yang ada kaitan dengan penerimaan nilai-nilai budi bahasa, amalan budi bahasa atau tanggungjawab sosial oleh sektor swasta terhadap masyarakat," katanya.

Menjawab soalan mengenai sistem penyampaian awam, beliau berkata, kerajaan akan mencari jalan untuk memberi motivasi kepada kakitangan awam dalam usaha meningkatkan prestasi dan jika memerlukan pertukaran, maka ia akan dilakukan.